




Kementerian Pendidikan Malaysia

Huraian Kurikulum Prasekolah Kebangsaan



PENERANGAN BUKU HURAIAN KURIKULUM PRASEKOLAH KEBANGSAAN

- ❖ Huraian Kurikulum Prasekolah Kebangsaan ini bertujuan untuk membantu guru dan pelaksana prasekolah merancang untuk melaksanakan program dan kegiatan harian selaras dengan kesediaan, kebolehan, kemampuan, bakat dan minat serta budaya murid.

- ❖ Huraian Kurikulum Prasekolah dimulakan dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Matlamat dan Objektif Pendidikan Prasekolah serta pendidikan awal kanak-kanak supaya guru peka terhadap apakah yang harus dicapai oleh mereka hasil dari didikan prasekolah. Kurikulum ini menggunakan pendekatan yang berfokuskan hasil pembelajaran (outcome-based approach) yang lebih menekankan apa yang harus dipelajari dan dicapai oleh murid kesan daripada pengajaran guru.

- ❖ Setiap Komponen Kurikulum Kebangsaan dihuraikan dalam empat ruang iaitu :

Ruang 1 – Kandungan

Ruang ini menyatakan pengetahuan, kemahiran, kefahaman dan nilai yang murid prasekolah perlu belajar.

Ruang 2 – Hasil Pembelajaran

Ruang ini menjelaskan apa yang murid boleh capai daripada proses pengajaran dan pembelajaran. Hasil pembelajaran disusun berpandukan konsep pemeringkatan dari mudah ke sukar, dari yang konkrit kepada yang abstrak dan dari yang sedia ada kepada yang baru.



Ruang 3 – Cadangan Aktiviti

Aktiviti yang dicadangkan bertujuan membantu guru dan pelaksana prasekolah melaksanakan pengajaran untuk mencapai hasil pembelajaran yang ditetapkan. Guru perlu mensepadakan aktiviti pengajaran supaya pengajaran komponen kurikulum prasekolah tidak dibuat secara berasingan dan terpisah-pisah. Aktiviti pengajaran dan pembelajaran memberi penekanan kepada konsep “**Belajar Melalui Bermain**” Aktiviti pembelajaran ini tidak terhad kepada apa yang ternyata dalam buku Huraian. Guru boleh menambah dan mengubahsuai aktiviti tersebut mengikut tahap pencapaian, minat dan tema yang telah dirancang.

Ruang 4 – Bahan/Alatan/Catatan






Guru dan pelaksana prasekolah perlu memberi perhatian kepada catatan yang diberi. Catatan ini bertujuan untuk memberi panduan atau maklumat lanjut mengenai sesuatu aktiviti yang dijalankan. Alatan dan bahan yang dinyatakan hanya sebagai cadangan. Guru dan pelaksana prasekolah harus menggunakan pelbagai bahan dan alatan yang terdapat dipersekitaran tempat masing-masing. Selain itu guru boleh memperbanyakkan penggunaan bahan dan alatan yang dikitar semula.

Contoh Huraian Kurikulum Prasekolah Kebangsaan

1a. KURIKULUM BAHASA MELAYU



KANDUNGAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI	BAHAN /ALATAN /CATATAN
<p>1. Kemahiran Mendengar</p> <p>1.1 Mendengar dengan penuh perhatian</p> 	<p>1.1.1 Mengetahui pasti apa yang didengar</p>	<ul style="list-style-type: none"> Meneka dan membezakan bunyi yang diperdengarkan 	<p>Bunyi persekitaran yang dirakam</p>
	<p>1.1.2 Mengecam dan membezakan pelbagai jenis bunyi</p>	<ul style="list-style-type: none"> Memejamkan mata dan menyatakan bunyi yang didengar Membawa murid ke luar kelas dan menyatakan bunyi yang didengar dari persekitaran 	<p>Bunyi-bunyi di persekitaran</p>

1b. KURIKULUM BAHASA CINA





内容	预期学习成果	教材与活动建议	教学资源/教具 /备注
1. 聆听教学 1.1 专注且耐心地聆听 	1.1.1 认识日常生活中所听到的声音	<ul style="list-style-type: none"> • 猜测及辨别所听到的声音如鸟叫声、汽车声、铃声、哭声、笑声、敲门声、电话响声、脚步声等。 	录音机、录音带、铃 
	1.1.2 辨别各种声音	<ul style="list-style-type: none"> • 闭起双眼专注聆听并说出所听到的声音。 • 聆听和辨别各种乐器所发出的声音。 • 带领孩童到户外聆听周围环境的聲音如流水声、雷雨声、动物声等。 	敲击乐器 

1c. KURIKULUM BAHASA TAMIL


1d. ENGLISH LANGUAGE CURRICULUM

CONTENTS	LEARNING OUTCOMES	SUGGESTED ACTIVITIES	MATERIALS /TEACHING AIDS/NOTES
<p>1. LISTENING SKILLS</p> <p>1.1 Listen to and recognise similarities in the sounds of language</p>	<p>1.1.1 Identify words with the same beginning sounds</p>	<ul style="list-style-type: none"> Show and name four objects familiar to children which have the same beginning sound e.g. pencil, paper, pin, pen. <ul style="list-style-type: none"> Listen to words said aloud and pick up objects with the same beginning sound e.g. 's' sound, stone, leaf, stick, sand, seed. 	<p>Items from the natural surroundings, names of students, objects of interest</p> 
	<p>1.1.2 Identify words with the same ending sounds</p>	<ul style="list-style-type: none"> Show and name six objects which are familiar to children. e.g. 'at' sound: cat, hat, mat, bag. <ul style="list-style-type: none"> Listen to words read aloud and identify picture cards of words which rhyme e.g. tin - pin : hat - mat. 	<p>Picture cards</p> <p>Variation – Use rhyming word form natural surroundings, names of friends, objects in the classroom, objects of interest</p>



2. KOMPONEN PERKEMBANGAN KOGNITIF

KANDUNGAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI	BAHAN /ALATAN /CATATAN
<p>Pengelasan</p> <p>1.1 Mengelaskan objek</p> 	<p>Mengelaskan objek mengikut satu ciri</p> <p>a. warna</p>	<ul style="list-style-type: none"> Mengumpulkan beberapa butang yang merah tetapi saiz dan bentuknya berbeza ke dalam satu kumpulan dan beberapa butang yang biru tetapi warna dan saiznya berbeza ke dalam kumpulan yang lain. Ulangi aktiviti ini dengan menggunakan objek yang lain 	<p>Manik, biji dan bunga</p> 
	<p>b. saiz</p>	<ul style="list-style-type: none"> Mengumpulkan beberapa butang yang bersaiz 20 cm (misalnya) tetapi warna dan bentuk berbeza ke dalam satu kumpulan dan beberapa butang yang bersaiz 50 cm tetapi warna dan bentuknya berbeza ke dalam kumpulan yang lain. 	<p>Pelbagai jenis butang</p> 



3a. KURIKULUM PENDIDIKAN ISLAM

KANDUNGAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI	BAHAN/ ALATAN /CATATAN
<p>1. Aqidah</p> <p>1.1 Mengetahui Rukun Iman</p>	1.1.1 Menyebut enam Rukun Iman	<ul style="list-style-type: none"> Nasyid rukun Iman Melafaz rukun Iman 	Kaset lagu nasyid
<p>1.2 Beriman kepada Allah</p> 	<p>1.2.1 Menyebut sifat Allah</p> <p>a. Wujud</p>	<p>a. Menyanyi nasyid dua puluh sifat Allah</p> <ul style="list-style-type: none"> Bercerita tentang kejadian alam dan makhluk Allah <ul style="list-style-type: none"> bersoal jawab tentang kewujudan pembuat bagi objek-objek dalam kelas bersoal jawab tentang pencipta bagi makhluk seperti tumbuhan, alam, haiwan dan manusia mengkiaskan kewujudan Pencipta Alam kepada kewujudan pembuat objek 	<p>Guru digalakkan menggunakan bahan yang terdapat di dalam dan di luar bilik darjah</p> 


3b. KURIKULUM PENDIDIKAN MORAL

KANDUNGAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI	BAHAN /ALATAN /CATATAN
<p>1. Nilai berkaitan Dengan Perkembangan Diri</p> <p>1.1 Menyatakan Tuhan Pencipta Alam</p>	1.1.1 Menyatakan bahawa manusia adalah ciptaan tuhan	<ul style="list-style-type: none"> Bercerita tentang perbezaan antara kanak-kanak dengan anak patung 	
	1.1.2 Membezakan ciptaan Tuhan dan rekaan manusia	<ul style="list-style-type: none"> Membanding dan membezakan antara bunga dan daun yang asli dengan daun plastik Menyenaraikan objek ciptaan Tuhan dan rekaan manusia Menerangkan bahawa hasil ciptaan Tuhan lebih istimewa dan tidak mampu dicipta oleh manusia 	<p>Daun, bunga sebenar dan bunga tiruan. Anggota badan dan anak patung</p>

4. KOMPONEN PERKEMBANGAN SOSIOEMOSI

KANDUNGAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI	BAHAN /ALATAN /CATATAN
<p>1. Mengurus dan Memahami Emosi Sendiri</p> <p>1.1 Mengenali dan memahami emosi sendiri</p>	<p>1.1.1 Menceritakan pengalaman gembira, sedih, marah dan takut</p>	<ul style="list-style-type: none"> Bercerita tentang watak-watak yang mengalami emosi tertentu melalui: <ul style="list-style-type: none"> situasi benar dalam kehidupan sehari cerita kanak-kanak 	<p>Disisipkan dalam perbualan pagi, bahasa dan Komunikasi</p> 
	<p>1.1.2 Mengenal pasti jenis-jenis emosi berdasarkan:</p> <ol style="list-style-type: none"> Gambar mimik muka murid mimik muka murid 	<ul style="list-style-type: none"> Memperlihatkan mimik muka mengikut emosi seperti marah, gembira, sedih, terkejut, takut, kasih, jijik dan malu Melukis dan mewarna mimik-mimik muka berdasarkan emosi tertentu 	<p>Menggunakan komputer untuk membina pelbagai mimik muka</p>

5. KOMPONEN PERKEMBANGAN FIZIKAL

KANDUNGAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI	BAHAN /ALATAN /CATATAN
<p>1. Perkembangan motor halus</p> <p>1.1 Menguasai kemahiran motor halus</p> 	<p>1.1.1 Menggunakan jari untuk aktiviti seperti :</p> <ul style="list-style-type: none"> meramas menggentel mengoyak mencubit 	<ul style="list-style-type: none"> Bermain menggunakan pelbagai bahan untuk membuat kolaj Meramas, menggentel, mengoyak, mencubit, menguli dan memicit Menyanyi dan membuat lakonan menggunakan jari 	<p>Bahan-bahan yang boleh digunakan doh, pasir, tanah liat, 'paper mache'</p> 
<p>1.2 Menguasai kemahiran koordinasi mata tangan</p>	<p>1.2.1 Membuat pergerakan tangan mengikut arah</p>	<ul style="list-style-type: none"> Meniru pergerakan kepala ke kiri, ke kanan, ke atas dan ke bawah mengikut rentak muzik dengan menanduk objek lembut 	<p>Belon, bola lembut pundi kacang</p>

6. KOMPONEN KREATIVITI DAN ESTETIKA

KANDUNGAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI	BAHAN /ALATAN /CATATAN
<p>1. Persekitaran dan Keindahan Alam</p> <p>1.1 Mengenal keindahan alam</p> 	<p>1.1.1 Mengenal dan mengecam keadaan alam dengan menggunakan deria</p>	<ul style="list-style-type: none"> Membuat lawatan di persekitaran sekolah : <ul style="list-style-type: none"> Meneroka warna pada tumbuhan Meneroka kesan bunyi di persekitaran dan cuba menirunya Meneroka bau-bauan yang terdapat di persekitaran 	<p>Tumbuh-tumbuhan di persekitaran kelas/sekolah.</p> 
	<p>1.1.2 Menunjukkan rasa ingin tahu mengenai perubahan yang sentiasa berlaku di persekitaran</p>	<ul style="list-style-type: none"> Mengumpul objek seperti daun, bunga, batu bata dan menangkap serta mewarnakannya Menggunakan bahan yang dikumpul untuk membuat kolaj dan menceritakan hasil kerja kepada kawan dan guru 	<ul style="list-style-type: none"> warna pensil bahan-bahan yang dikutip semasa lawatan 

Huraian Kurikulum Prasekolah Kebangsaan ini juga mengandungi:

- a) *Contoh pelaksanaan penilaian bagi membantu guru dan pelaksana prasekolah membuat penilaian dan merekodkan perkembangan murid***

TUJUAN

Tujuan penilaian dijalankan adalah supaya guru dapat :

- Mengesan perkembangan murid secara menyeluruh;
- Mengenal pasti pelbagai potensi murid secara menyeluruh;
- Mengenal pasti kekuatan dan kelemahan murid dalam pembelajaran dari semasa ke semasa;

- iv. Mengesan keberkesanan pengajarannya;
- v. Merancang dan mengubahsuai aktiviti pengajarannya untuk membantu meningkatkan pertumbuhan dan perkembangan murid; dan
- vi. Menjalankan tindak susul yang sesuai dengan serta merta

PROSES PELAKSANAAN PENILAIAN

1. Merancang

Sebelum penilaian dilaksanakan, guru hendaklah merancang perkara-perkara berikut:

- Mengenal pasti murid yang akan dinilai
- Menentukan kaedah pemerhatian yang sesuai
- Menentukan hasil pembelajaran yang diberi tumpuan
- Apa yang hendak diperhatikan
- Cara merekod pemerhatian
- Masa pemerhatian dibuat



2. Melaksanakan penilaian

Penilaian dijalankan dengan cara membuat **pemerhatian**.

Pemerhatian adalah adalah satu kaedah penilaian melalui pemerhatian yang sistematik dan tepat untuk mengumpul maklumat dan merekodnya dengan tepat.

Penilaian dilaksanakan melalui pemerhatian terhadap;

- Tingkah laku
- Perbualan atau interaksi
- Hasil kerja murid



i. Pemerhatian Tingkahlaku Murid

Contoh tingkahlaku murid yang boleh diperhatikan dan dinilai adalah semasa murid:

- Bermain pondok-pondok bersama rakan
- Menyusun blok bersama rakan atau bersendirian
- Mengikat tali kasut
- Berlari sambil melompat
- Menyelesaikan masalah bersama rakan
- Membuat kolaj dalam kumpulan



ii. Pemerhatian perbualan atau interaksi

Contoh perbualan/interaksi/lisan murid yang boleh diperhati dan dinilai adalah seperti berikut :

- Perbualan atau interaksi antara murid dengan guru
- Perbualan/interaksi murid dengan murid
- Interaksi murid dengan bahan
- Main peranan
- Bercerita dan bersoal jawab
- Nyanyian
- Hafalan
- Bacaan



iii. Penilaian hasil kerja murid

Contoh hasil kerja murid yang diperhatikan dan di nilai adalah seperti berikut:

- lukisan
- tulisan
- buku skrap
- kraftangan
- buku kecil
- model



4. Merekod Pemerhatian

Merekod ialah aktiviti mencatat maklumat secara sistematik daripada apa yang diperhatikan berkaitan dengan perkembangan kebolehan, kemajuan, pengetahuan dan pencapaian murid yang ingin dinilai. Cara mengumpul dan merekodkan maklumat adalah melalui:

- i. senarai semak
- ii. anekdot
- iii. rekod berterusan



i. Senarai Semak

Senarai semak ialah senarai item yang disediakan untuk mengenal pasti perkembangan dari segi pengetahuan, kemahiran, sikap dan kebolehan. Senarai item yang disediakan adalah untuk menentukan sama ada

- tingkah laku yang berlaku
- tingkah laku dapat diperhatikan
- kekerapan tingkah laku itu berlaku

dengan menandakan (/) atau cara lain mengikut arahan dalam senarai semak

CONTOH SENARAI SEMAK

Komponen: Bahasa dan Komunikasi

Nama murid: **Kelas:**.....

Arahan: Sila tandakan (✓) dalam petak dan ulasan pada ruang yang disediakan apabila murid sudah menunjukkan kebolehannya. Sila tinggalkan kosong sekiranya murid belum menguasai kemahiran itu.

Komponen: Bahasa dan Komunikasi

Nama murid: **Kelas:**.....

Arahan: Sila tandakan (✓) dalam petak dan ulasan pada ruang yang disediakan apabila murid sudah menunjukkan kebolehannya. Sila tinggalkan kosong sekiranya murid belum menguasai kemahiran itu.

HASIL PEMBELAJARAN	ULASAN /TARIKH	ULASAN /TARIKH	ULASAN /TARIKH
1. Berinteraksi dengan mesra <input type="checkbox"/> <ul style="list-style-type: none"> Berbual menggunakan bahasa yang mudah dan sebutan yang betul 	13/1/2001	16/5/2001	18/10/2002
	<ul style="list-style-type: none"> Tidak ramai kawan 	<ul style="list-style-type: none"> Sudah boleh berbual semasa berkongsi bahan 	<ul style="list-style-type: none"> Sudah ramai kawan
<input type="checkbox"/> <ul style="list-style-type: none"> Berinteraksi secara sopan dan bertatasusila 	<ul style="list-style-type: none"> Apabila disoal, beliau menjawab dengan satu dua patah perkataan 	<ul style="list-style-type: none"> Sudah mula menggunakan ucapan terima kasih dan "tolong" 	<ul style="list-style-type: none"> Yakin apabila bercakap Sebutan jelas

ii. Rekod Anekdot

Rekod anekdot ialah satu catatan ringkas mengenai satu peristiwa atau tingkahlaku murid yang dianggap penting, unik dan signifikan untuk direkodkan. Anekdote ditulis secara objektif menerangkan apa yang berlaku, bila dan di mana berlaku. Catatan ringkas ini akan membantu guru memahami murid berkenaan.

Perkara-perkara yang perlu dipertimbangkan untuk menulis Rekod Anekdot:

- Membuat pemerhatian terhadap peristiwa yang berlaku walaupun tidak dirancang.
- Murid yang hendak diperhatikan tidak perlu ditentukan.
- Mengenalpasti peristiwa itu penting dan signifikan kepada aspek perkembangan murid
- Tuliskan apa yang dilihat secara objektif
- Perkara-perkara yang ditulis dalam rekod anekdot ialah yang menggambarkan tentang perkembangan bahasa dan literasi, pola interaksi sosial, kemahiran menyelesaikan masalah dan kejayaan-kejayaan.

Contoh Rekod Anekdot

Contoh 1:

Nama Murid : Sudin bin Abu
 Umur : 5 Tahun
 Tarikh : 20 Februari 2001
 Masa : 10.00 pagi
 Nama Guru : Puan Rusnani Abidin

Catatan	Ulasan
<p>Selepas mengikuti sesi bacaan bersama guru kelas, Sudin menarik tangan Zaki, Rosli dan Zahar ke pusat bahasa untuk mencari buku. Sudin memilih buku bergambar sama dengan buku yang dibaca oleh gurunya tadi. "Dengar saya nak baca buku ini". Sudin pun membuka buku lalu membaca dengan gaya seperti Rusnani. Zaki, Rosli dan Zahar mendengar dengan penuh minat. " Sedap tak ceritanya?" Tanya Sudin kepada mereka. "Hei, Sudin kau dah boleh baca?" Tanya Zahar kepada Sudin. Sudin tunduk dan terus diam. "Bagus, Sudin," Cikgu Rusnani memuji sambil bertepuk tangan. Sudin tersenyum dan kelihatan riang.</p>	<p><i>Sudin anak sulung dalam keluarga sangat rapat dengan Zaki, Rosli dan Zahar Mereka ini sentiasa patuh dan hormat pada Sudin. Sudin sudah mula berminat pada buku, cuba membaca walau pun masih belum mengenal semua huruf</i></p>

iii. Rekod Berterusan (Running Record)

Rekod Berterusan merupakan catatan dalam bentuk cerita (narrative) yang dibuat ke atas individu atau kumpulan murid semasa berlakunya sesuatu peristiwa. Setiap perlakuan dan apa yang dikatakan oleh murid akan dicatat sepanjang tempoh pemerhatian. Pemerhatian yang terperinci ini biasanya dijalankan dalam tempoh 5-10 minit.



Contoh Rekod Berterusan

Nama : Ainon Bakar
 Umur : 6 tahun
 Tarikh : 26 September 2002
 Masa : 10.00 - 10.10 pagi
 Nama Guru : Puan Sofia

Pemerhatian	Ulasan
Ainon sedang bermain pasir dengan beberapa orang rakannya. Dia bangun dan mengatakan "Penatlah main pasir, jom main jongkang jongkit. Ainon memanggil rakan-rakannya. Beberapa orang murid berebut-rebut menaiki jongkang jongkit itu.	<i>Ada ciri kepimpinan</i>
Ainon : Janganlah berebut-rebut	<i>Menunjukkan sifat toleransi dan kerjasama</i>
Liza : Saya pun nak naik juga	
Ainon : Gilir-gilirlah. OK., Minah, Rozi duduk di hujung sana. Noni dan Milah di hujung sini,ya!	
Milah : Saya tak boleh dengan Noni, sebab saya dua-dua kurus, tentu lebih ringan, nanti tak sama	<i>Memahami konsep matematik</i>
Ainon : Ya betul, nanti tak sama	<i>Memahami konsep Keseimbangan</i>
Rozi : Tak mau, saya nak duduk dengan Minah juga	
Ainon : OK, Som pun kurus, tolong duduk depan Noni. Hah, baru sama berat.	


MENYIMPAN MAKLUMAT

Segala maklumat yang diperolehi daripada pemerhatian yang sistematik disimpan dalam **portfolio** iaitu;

- i. Rekod Peribadi Murid;
- ii. Rekod Perkembangan dan Kemajuan Muris; dan
- iii. Contoh Hasil Kerja Murid

Portfolio;

- Portfolio adalah satu himpunan bukti atau keterangan yang terkumpul berkenaan dengan perkembangan dan kemajuan murid dalam jangka masa yang ditetapkan.
- Portfolio boleh menggambarkan secara lebih realistik tentang apa yang murid boleh buat daripada terlalu bergantung kepada penilaian secara ujian.
- Portfolio mempunyai tujuan untuk merekod pengalaman, usaha, kemajuan dan kejayaan yang diperolehinya serta juga kejayaan yang diperolehi bersama rakan-rakan lain.
- Portfolio mengandungi sampel kerja murid seperti, lukisan/kraf, gambar foto murid, sampel daripada aktiviti murid, hasil penulisan, dan senarai semak yang dibuat dari semasa ke semasa.
- Portfolio menyediakan asas untuk penilaian dan panduan untuk pembelajaran dan perkembangan selanjutnya. Oleh itu penting jika portfolio ini dapat dikongsikan dengan ibu bapa murid yang mahu mengetahui tentang perkembangan dan kemajuan anak mereka.
- Secara fizikal, portfolio merupakan satu fail, kotak atau disket komputer yang nyimpan bukti dan maklumat murid.



untuk membolehkan murid, pihak sekolah dan ibu bapa mengambil tindakan susulan yang sewajarnya.

Laporan atau rumusan maklumat ini akan dicatatkan dalam Rekod Kemajuan Murid sekurang-kurangnya tiga kali. Rekod Kemajuan Murid merupakan ulasan guru mengenai perkembangan diri murid dari segi:

- a. Kemahiran
- b. Komunikasi
- c. Sikap
- d. Kreativiti



Contoh Rekod Kemajuan Kanak-kanak

Nama: Roslina Roslan

Umur: 6 tahun

Tarikh	9 Feb 2002	6 April 2002	8 Jun 2002	10 Ogos 2002
Kemahiran	Boleh bercerita tentang keluarganya	Boleh bercerita dengan petah tentang pengetahuan yang diperolehi daripada pengalaman ketika menonton televisyen	Boleh bercerita tentang pengetahuan daripada buku yang dibaca atau dibacakan	Boleh bercerita tentang pengetahuan yang didapati melalui aktiviti pembelajaran
	Boleh menguntai manik yang berlubang besar	Boleh menampal cebisan kertas untuk menghasilkan kolaj dengan kemas	Boleh berlakon dengan spontan dan penuh yakin	Boleh menulis ayat dengan bentuk huruf yang kemas
Komunikasi	Sukar untuk berinteraksi dengan rakan sebaya	Memberi salam kepada guru	Boleh berbincang dan bekerjasama untuk menghasilkan sesuatu	Sedia membantu rakan tanpa disuruh dan suka bekerja dalam kumpulan
Sikap	Suka mengasingkan diri dan bermain sendirian	Gembira bermain bersama rakan	Boleh berbincang dan bekerjasama untuk menghasilkan sesuatu	Sedia membantu rakan tanpa disuruh dan suka bekerja dalam kumpulan
Kreativiti	Boleh mengemas kelas dengan teratur	Menghasilkan binaan daripada gabungan bongkah dan lego	Menghasilkan model	Menggubah bunga

Ulasan Guru:

Pada keseluruhannya kanak-kanak ini telah menunjukkan pemeringkatan dari semua aspek di atas. Beliau telah menunjukkan keyakinan diri dalam semua aspek. Walau bagaimanapun beliau perlukan bimbingan dan galakan untuk mencapai ke peringkat yang lebih optima.

TINDAKAN SUSULAN


Tindakan susulan adalah aktiviti bimbingan, pengukuhan dan pengayaan, setelah dikenalpasti kelebihan atau kekurangan perkembangan murid. Aktiviti bimbingan dirancang bagi membantu murid mengatasi masalah pembelajaran agar kelemahan murid tidak terhimpun. Proses penilaian hendaklah dilaksanakan semula. Aktiviti pengukuhan merupakan pengukuhan kepada pengetahuan dan kemahiran yang telah dikuasai. Aktiviti pengayaan telah dirancang untuk memberi peluang kepada murid menjalani aktiviti yang lebih mencabar.

ETIKA PENILAIAN

Semua maklumat yang berkaitan dengan diri murid adalah sulit. Oleh itu semua rekod penilaian perkembangan dan kemajuan murid prasekolah hendaklah disimpan dengan selamat mengikut panduan berikut:

Panduan Menjaga Rekod Perkembangan Dan Kemajuan Murid Prasekolah

- Segala hasil pemerhatian hanya boleh dibincang dengan pihak yang tertentu sahaja. (Ibubapa/guru besar/pakar perubatan/pihak-pihak atau orang-orang yang berkenaan mengikut Akta Pendidikan 1996)
- Rekod murid tidak boleh dipamerkan
- Minta kebenaran ibubapa/penjaga murid untuk mengambil gambar dan merakam video yang melibatkan murid berkenaan
- Pastikan segala rekod pemerhatian diberikan kepada ibubapa di akhir Tahun Satu



- b) Penerangan bagi membantu guru dan pelaksana mengendalikan murid dengan guru dan pelaksana mengendalikan murid dengan keperluan khas di tadika mereka.*

MURID DENGAN KEPERLUAN KHAS

Pengenalan

Murid dengan keperluan khas adalah berbeza daripada murid biasa dari segi kebolehan mental, keupayaan fizikal, deria, tingkah laku sosial dan keupayaan emosi. Murid dengan keperluan khas perlu dirujuk kepada pakar perubatan untuk menentukan sama ada mereka sesuai dihantar ke sekolah khas atau ke sekolah biasa.

Murid dengan keperluan khas digalakkan belajar di kelas biasa. Murid ini akan belajar bersama-sama dengan murid biasa, dalam persekitaran yang sama, kurikulum yang sama dan diajar oleh guru yang sama. Suasana seperti ini akan membiasakan murid keperluan khas dengan keadaan dunia yang sebenar.

Walaupun guru yang mengajar murid ini adalah guru biasa yang tidak mempunyai latihan khas untuk mengendalikan mereka, guru atau pelaksana perlu tahu mengenai murid keperluan khas ini supaya mereka boleh membuat penyesuaian dari segi pengajaran dan pembelajaran yang perlu disediakan.

Untuk membantu guru biasa ini, adalah disarankan supaya setiap tadika yang ada murid keperluan khas mempunyai guru sokongan (support teacher) yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran asas tentang murid keperluan khas.

Kategori Murid Keperluan Khas

Murid keperluan khas boleh dilihat dari dua perspektif.

- i. Murid yang bermasalah pembelajaran
- ii. Murid yang pintar cerdas

i. Murid Bermasalah Pembelajaran

Murid yang bermasalah pembelajaran mempunyai ciri-ciri berikut;

- Masalah kelewatan penguasaan bahasa, komunikasi dan literasi seperti sukar memahami apa yang diperkatakan, pelat dan gagap

- Masalah berkaitan dengan visual atau penglihatan seperti:
 - Sukar melihat perbezaan dan persamaan saiz, bentuk, warna dan kedudukan objek
 - Tidak boleh membentuk huruf atau menulis huruf secara terbalik
 - Sukar mengingat sesuatu yang dilihatnya
 - Mudah terganggu dan menukar tumpuan kerja
 - Hiperaktif iaitu sentiasa bergerak, tidak boleh duduk diam dan selalu resah

- Masalah berkaitan dengan pendengaran

Cara Membantu Murid Bermasalah Pembelajaran

Setelah mengenal pasti murid yang bermasalah pembelajaran, guru dan pelaksana tadika harus merancang strategi untuk memenuhi keperluan pembelajaran mereka. Berikut adalah cadangan untuk membantu melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran bagi memenuhi keperluan yang berbeza-beza.

- a. Bagi murid yang memerlukan bantuan dari segi komunikasi, bahasa dan literasi, guru perlu menggunakan:
 - Komunikasi bukan lisan seperti lambang dan isyarat
 - Bahan visual dan bertulis/bercetak dalam pelbagai saiz dan format
 - Bahan komunikasi teknologi maklumat dan bahan teknologi lain

- b. Bagi membina kefahaman melalui pengalaman sebenar (hands-on experience) dan deria, guru perlu menggunakan:
 - Bahan dan sumber yang murid gunakan melalui penglihatan, pendengaran, sentuhan dan bau
 - Bahan komunikasi dan teknologi maklumat dan bahan teknologi lain

- c. Bagi melibatkan murid dalam aktiviti pembelajaran, aktiviti fizikal dan praktikal, guru perlu :
- Mempunyai sokongan dan bantuan daripada orang dewasa lain
 - Menyesuaikan aktiviti dan persekitaran
 - Mempunyai bahan dan peralatan khas
 - Menghargai dan memuji usaha murid
 - Membantu murid menghargai dan menghormati sumbangan sendiri dan orang lain
 - Memberi peluang kepada mereka meningkatkan kemahiran dan pengetahuan

ii. Murid Pintar Cerdas

Murid pintar cerdas mempunyai ciri-ciri berikut:

- Belajar dengan mudah, cepat dan mempunyai rasa ingin tahu yang tinggi
- Mempunyai perbendaharaan kata yang banyak, tepat dan mengekal/mengingat apa yang dibaca dan didengar dengan mudah
- Peka dan menunjukkan reaksi segera kepada sesuatu tugas dan berupaya menyelesaikan masalah
- Penyesuaian sosial dan kawalan emosi yang baik
- Berminat dalam pembelajaran dan pencapaian akademik yang tinggi
- Melebihi purata dari aspek ketinggian, berat badan, kekuatan dan kesihatan

Penyediaan Pembelajaran Murid Pintar Cerdas

Guru boleh menyediakan pembelajaran murid pintar cerdas dengan cara:

- Menyediakan bahan dan aktiviti yang menarik dan mencabar
- Menggalakkan kreativiti dan pembelajaran akses sendiri
- Memberi peluang kepada murid membuat pilihan dan keputusan sendiri tentang bahan dan aktiviti yang ingin dilaksanakannya
- Mengadakan program pengayaan

- b) Penerangan tentang pentingnya peranan ibu bapa di rumah dan di tadika untuk mempertingkatkan tahap perkembangan anak-anak mereka.***

PENGLIBATAN IBU BAPA/PENJAGA DAN KOMUNITI

Penglibatan ibu bapa merupakan aspek penting dalam pendidikan prasekolah. Ibu bapa adalah orang yang pertama mendidik anak-anak sebelum masuk ke tadika. Oleh itu adalah wajar jika ibu bapa meneruskan penglibatan mereka untuk sama-sama mendidik anak-anak di tadika.

Penglibatan ibu bapa dan komuniti dalam pendidikan mempunyai kesan yang positif kepada murid, ibu bapa dan guru. Murid akan merasakan pembelajaran bukan sahaja diperolehi daripada guru di sekolah tetapi boleh diteruskan di rumah. Guru pula akan dapat mengembangkan peranan professional mereka sebagai pemudahcara pembelajaran kepada ibu bapa dan komuniti. Ibu bapa sebaliknya pula boleh menambah pengetahuan, kemahiran dan keyakinan untuk membantu pembelajaran anak mereka melalui taklimat dan perkongsian ilmu daripada guru.

PERANAN IBU BAPA/ KOMUNITI

Penglibatan ibu bapa/penjaga//komuniti secara langsung dan tidak langsung akan memberi kesan yang positif terhadap perkembangan murid prasekolah. Ibu bapa/ penjaga//komuniti memainkan peranan yang penting untuk;

1. Mengukuhkan Pembelajaran

Ibu bapa yang prihatin akan membantu dan menggalakkan anak mereka meneruskan amalan atau apa yang telah dipelajari di tadika seperti;

- Amalan memberi salam, ucap selamat dan terima kasih
- Amalan kemahiran seperti menyiram pokok, menghidang makanan dan mengemas
- Amalan membaca doa-doa yang dipelajari di tadika
- Membaca buku, menulis, melukis, membuat kolaj dan lain-lain

2. Menyumbangkan Kepakaran atau Sebagai Rujukan

- Memberi penerangan tentang pekerjaan
- Membuat demonstrasi dan memberi latihan dalam kraf
- Membantu dalam aktiviti pembelajaran seperti bercerita, bernyanyi dan mengguna komputer
- Memberi khidmat nasihat dan runding cara

3. Memberi Sumbangan Tenaga dan Bahan

- Menyediakan alat bantu pengajaran dan pembelajaran
- Membaiki alat permainan luar
- Membina taman sains
- Menderma alat permainan terpakai
- Mengadakan lawatan atau berkelah
- Menyediakan props

4. Memberi Khidmat Kebajikan

- Memberi sumbangan untuk aktiviti sukanika atau persembahan tahunan
- Menjadi ahli Jawatankuasa Prasekolah
- Bergotong royong membersihkan sekolah

PERANAN GURU

Kejayaan program pendidikan prasekolah banyak bergantung kepada penghayatan, kemahiran dan sikap guru terhadap pendidikan prasekolah. Selain itu kejayaan program ini juga bergantung kepada sikap dan kesediaan guru untuk mewujudkan hubungan '*partnership*' yang berkesan antara guru dan ibu bapa. Untuk mencapai hasrat ini guru perlu;

1. Memahami dan menghormati peranan ibu bapa/penjaga/komuniti

- Menghargai pandangan ibu bapa/penjaga/komuniti
- Menghargai peranan ibu bapa sebagai pendidik pertama kepada anak mereka
- Mengambil maklum pandangan ibu bapa terhadap tingkah laku anak-anak mereka

2. Mempunyai Kemahiran Interpersonal

- Bersifat terbuka dan diplomatik
- Pendengar yang aktif

3. Memberi Maklumat dari semasa ke semasa

- Maklumat perkembangan murid
- Maklumat tentang aktiviti/program sekolah

4. Bertindak sebagai seorang profesional

- Memberi pendedahan kepada ibu bapa/penjaga kaedah pengajaran dan pembelajaran awal kanak-kanak
- Menjaga kerahsiaan
- Menghindarkan perbincangan berunsur peribadi

Kesimpulannya, ikatan hubungan atau partnership yang berjaya memerlukan rasa hormat menghormati, persefahaman, perkongsian maklumat, pengetahuan dan kemahiran secara dua hala.

c) *Persediaan bagu murid prasekolah menghadapi transisi ke sekolah rendah.*

Murid prasekolah perlu diberi bantuan agar mereka dapat membuat persediaan mereka dapat membuat persediaan awal sebelum masuk ke Tahun satu. Persediaan yang mereka perlukan termasuklah penerangan dan pengalaman tentang suasana persekitaran serta budaya sekolah di Tahun Satu di samping persediaan dari aspek fizikal, mental dan emosi.

Contoh aktiviti untuk persediaan ke sekolah rendah.

1. Menyesuaikan Murid Dengan Budaya Sekolah.

Tujuan:

- i. Memberi gambaran awal tentang suasana persekitaran di tahun Satu.
- ii. Menyesuaikan diri dengan keadaan dan budaya sekolah.

Langkah-langkah pelaksanaan;

- i. Guru menunjukkan gambaran sebenar suasana kelas di Tahun satu di sekolah rendah.
- ii. Guru memperkenalkan kepada murid budaya sekolah seperti:
 - Budaya bunyi loceng
 - Rutin kelas
 - Perhimpunan pagi
 - Bilangan guru yang ramai di Tahun Satu
 - Suasana persekitaran sekolah
 - Kemudahan di sekolah seperti kantin, tandas, kedai buku dan tempat menunggu bas
- iii. Guru membantu murid dengan mengadakan aktiviti simulasi dan main peranan seperti apa yang harus dibuat semasa loceng dibunyikan.

2. Mengadakan lawatan ke sekolah rendah yang akan menerima mereka di Tahun satu



Tujuan;

- i. Menyesuaikan diri dengan suasana sekolah rendah melalui pengalaman sebenar
- ii. Membina keyakinan diri untuk menghadapi suasana baru di Tahun Satu.

Langkah-langkah pelaksanaan:

- i. Pengurus tadika dan guru tadika
 - Merancang lawatan ke sekolah mengikut prosedur lawatan seperti menyediakan surat kebenaran dari ibu bapa dan membuat temu janji dengan Guru Besar dan Pihak Sekolah.
 - Menyediakan program/atur cara atau jadual aktiviti lawatan

- ii. Lawatan ke sekolah bersama murid prasekolah
Semasa lawatan ke sekolah rendah murid dibawa untuk melihat;
 - Budaya sekolah
 - Kemudahan sekolah seperti kantin, tandas, bilik kelas Tahun Satu, tempat menunggu bas dan tempat perhimpunan

RUMUSAN

Selain daripada dokumen rasmi iaitu Kurikulum Prasekolah Kebangsaan yang perlu ada pada setiap guru dan pelaksana. Huraian Kurikulum Prasekolah Kebangsaan juga perlu dimiliki oleh setiap guru atau pelaksana, kerana buku huraian ini akan membantu guru menterjemahkan kurikulum untuk memudahkan mereka melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran dengan cara yang lebih berkesan. Walau bagaimanapun cadangan aktiviti yang dicadangkan adalah fleksibel kerana guru boleh mengubahsuaikan cadangan aktiviti mengikut masa, keadaan, tempat, keperluan dan peringkat kemampuan murid. Yang perlu diutamakan ialah sama ada hasil pembelajaran tercapai atau tidak. Ini bermakna guru perlu merancang pengajaran dan pembelajaran dan memastikan murid dapat menguasai atau mencapai hasil pembelajaran seperti yang dihasratkan.

